

**BN Pulau Pinang Selar Kenyataan Lim Berhubung Jawatan Ketua Menteri  
Bernama  
Ogos 01, 2011**

KEPALA BATAS, 1 Ogos (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang menyifatkan tuduhan Ketua Menteri Lim Guan Eng bahawa Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Datuk Zainal Abidin Osman mahukan jawatannya jika BN menang pada pilihan raya umum akan datang sebagai permainan politik jahat.

Zainal Abidin yang juga Timbalan Jawatankuasa Kerja BN Pulau Pinang berkata kenyataan Lim itu dilihat cuba untuk menimbulkan kemarahan dan kebencian antara kaum.

"Dia (Lim) kata Umno rasis, sebenarnya Setiausaha Agung DAP itu lebih perkauman kerana menuduh saya mahu jadi Ketua Menteri Pulau Pinang jika BN menang di negeri ini.

"Tuduhannya itu lebih menjurus kepada rasis dan cuba memecahbelahkan BN Pulau Pinang, ini satu permainan politik yang jahat serta berbahaya," katanya kepada pemberita selepas mengadakan tinjauan mesra bersama pemimpin BN Pulau Pinang di bazar Ramadan Kepala Batas di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Gerakan negeri Datuk Dr Teng Hock Nan dan Pengerusi MIC negeri Datuk P.K Subaiyah.

Zainal Abidin mengulas laporan sebuah akhbar berbahasa Cina mengenai kenyataan Lim yang menuduh beliau akan menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang jika BN menang di negeri ini.

Katanya beliau secara peribadi beliau tidak berminat untuk menjadi pemimpin tertinggi di Pulau Pinang kerana sejak penubuhan BN di negeri ini telah ada perjanjian berhubung pelantikan Ketua Menteri.

"Rakyat Pulau Pinang yang berbilang kaum tidak perlu bimbang kerana jika BN menang pada PRU ke-13, saya atau mana-mana wakil rakyat Umno tidak akan jadi Ketua Menteri.

"Kita (BN) telah ada satu perjanjian iaitu wakil rakyat Umno tidak akan jadi Ketua Menteri dan calonnya (Ketua Menteri) adalah dari parti komponen BN," katanya.

-- BERNAMA